

31/05/2003

Melaka jangka bajet 2004 berimbang

Hasnira Hassan

MELAKA: Bajet kerajaan negeri bagi tahun 2004 dijangka berimbang yang menjamin taraf hidup selesa untuk rakyat, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam., semalam.

Katanya, bajet itu akan turut mengambil kira perancangan bagi menangani

kesan ekonomi luaran yang tidak stabil bagi memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi negeri tidak terjejas.

Katanya, sementara kerajaan negeri akan meneruskan dasar perbelanjaan berhemat dan berhati-hati tahun depan, ia akan memberi tumpuan utama kepada tiga sektor iaitu perindustrian, perkhidmatan dan pertanian, selain

menggalakkan lebih banyak pertumbuhan sektor baru yang mampu menjana ekonomi negeri, untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat.

"Bajet kali ini bajet untuk semua. Justeru, untuk memastikan ia mencapai

matlamat ditetapkan, kita meminta kerjasama sektor awam bagi meningkatkan

lagi produktiviti masing-masing selain mengurangkan birokrasi manakala sektor swasta pula perlu lebih aktif menjana projek ekonomi," katanya selepas menghadiri Dialog Belanjawan 2004 bagi Melaka di sini, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Makro) Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Halipah Esa dan Setiausaha Bahagian Ekonomi

Antarabangsa, Kementerian Kewangan, Datin Aida Boey Abdullah yang turut memberi penerangan mengenai Bajet Kebangsaan 2004.

Dialog berkenaan dihadiri pegawai kanan kerajaan dan agensi kerajaan negeri, wakil dewan perniagaan, sektor swasta dan usahawan.

Kerajaan negeri kali pertama membentangkan bajet berimbang bagi tahun 2003 tahun lalu. Ia dibentangkan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka.

Mengenai Pakej Strategi Baru yang dumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad, Mohd Ali berkata, ia bertujuan menjana kegiatan ekonomi

negara menerusi pengembelangan sumber dalaman.

"Kerajaan negeri akan menyambut saranan Perdana Menteri dalam pakej itu

menerusi memperbanyakkan aktiviti ekonomi yang boleh mendatangkan kesan pulangan segera kepada rakyat di samping mengadakan penerangan kepada rakyat mengenai cara-cara untuk menggunakan sepenuhnya kemudahan Kredit Mikro yang ditawarkan di dalam pakej itu," katanya.